

Program Empower Ecer Latihan Akademik 2016 bermanfaat

KUALA BERANG - Program Empower Wilayah Ekonomi Pantai Timur (Ecer), Latihan Akademik 2016 yang dikendalikan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) pada tahun ini memberi manfaat kepada 1,246 pelajar yang telah terpilih di negeri ini.

Pengarah Pusat Pendidikan Berterusan UniSZA, Dr Mohd Adzim Khalil Rohin berkata, daripada jumlah tersebut masing-masing melibatkan 400 pelajar Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) serta 46 murid Orang Asli.

"Pada tahun 2016 ini, Majlis Pembangunan Wilayah Pantai Timur (ECERDC) memberi kepercayaan kepada UniSZA bagi melaksanakan Program Empower Ecer Latihan Akademik 2016 di daerah Dungun, Kemaman, Marang

dan Hulu Terengganu melibatkan 1,246 pelajar telah terpilih.

"Di daerah Hulu Terengganu sahaja, 10 sekolah terpilih menyertai program ini termasuk Projek Khas Orang Asli di Sekolah Kebangsaan Sungai Berua. Sekolah dipilih ini terdiri daripada enam sekolah rendah dan empat sekolah menengah.

"UniSZA telah merangka Takwim Akademik bagi program ini bukan sahaja membantu pelajar memperkuatkannya mata pelajaran teras, malah membangunkan sahsiah diri dan menyuntik semangat kepada mereka untuk terus maju serta berdaya saing.

"Selain kelas tambahan pada setiap minggu, kita juga adakan keru dinamakan M.OVE Program bagi pembangunan sahsiah diri pelajar yang telah diadakan pada Jun lalu. Selain itu, Empower Boost Camp@UniSZA akan diadakan pada

Ogos ini," katanya ketika menyampaikan ucapan pada Majlis Perasmian Penutup Seminar 'Move The Heart' Empower Ecer Hulu Terengganu, di sini, kelmarin yang disempurnakan perasmiannya oleh Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Jailani Johari.

Tambahnya, program Empower Boost Camp@UniSZA bakal memberi pendedahan dan pengalaman kepada pelajar tentang kehidupan di universiti dan ia secara tidak langsung menyuntik semangat kepada mereka untuk belajar sehingga sampai ke menara gading.

Tambahnya, pemilihan UniSZA sebagai salah satu penyedia perkhidmatan bagi Program Empower Ecer di Terengganu adalah satu pengiktirafan buat UniSZA dan ia sekali gus memberi peluang untuk mendekati golongan pelajar.



Penerima Insentif Kecemerlangan kepada Pelajar yang Berpotensi bergambar kenangan bersama Dr Mohd Adzim (belakang, kiri) dan Jailani (belajang dua, kiri) sewaktu Majlis Perasmian Penutup Seminar 'Move The Heart' Empower Ecer Hulu Terengganu, di Kuala Berang, kelmarin.